

07 DEC 1997

LIMA-kejayaan

LIMA `97 CAPAI KEJAYAAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA `97) kali ini mencapai kejayaan walaupun negara dilanda masalah ekonomi.

Beliau berkata pameran yang diadakan dua tahun sekali itu "tidak ada kena-mengena dengan kedudukan ekonomi".

"Syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam LIMA `97 tidak terjejas akibat krisis ekonomi sekarang kecuali beberapa syarikat Malaysia," katanya pada satu sidang berita di akhir acara enam hari itu di sini hari ini.

Malahan lebih 60 peratus daripada 950 peserta pameran di kalangan industri aeroangkasa dan maritim yang mengambil bahagian tahun ini telah memberikan pengesahan secara lisan untuk menyertai LIMA akan datang pada 1999.

"Dijangkakan LIMA akan datang lebih besar dan lebih menarik lagi berbanding dengan LIMA '97", katanya.

Buat julang kalinya, pameran maritim diadakan di Tanjung Malai, berasingan daripada pameran udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), untuk kemudahan pengunjung dan peserta.

LIMA '97 merupakan pameran keempat dalam sirinya. Pada LIMA yang pertama yang diadakan pada 1991, hanya 98 peserta dari 14 buah negara mengambil bahagian mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka dalam kawasan berbumbung seluas 2,500 meter persegi.

Pada 1993, 375 peserta dari 30 negara menggunakan ruang seluas 6,700 meter persegi dalam MIEC yang baru siap dibina dan jeti Kuah manakala LIMA '97 jumlah peserta meningkat kepada 642 dari 35 buah negara dengan menggunakan 10,000 meter persegi ruang di MIEC dan Pelabuhan Langkasuka.

LIMA '97 menarik penyertaan 950 peserta dari 40 negara dengan menguasai 23,000 meter persegi ruang pameran di MIEC dan Tanjung Malai.

Le Proton Sdn Bhd merupakan penganjur bagi pameran udara dan maritim bagi kesemua siri LIMA yang lepas.

Bagi LIMA '97, segmen maritim dikendalikan oleh Huswah Exhibition Sdn Bhd.

Pameran udara LIMA telah diiktiraf sebagai pertunjukan udara keempat terbesar di dunia selepas Farnborough, Paris dan Dubai.

Pengerusi Eksekutif Le Proton, Datuk Radzi Manan berkata LIMA boleh dikatakan mempunyai jumlah peserta pameran paling ramai, ruangan pameran terbesar, pengunjung perdagangan teramai serta paling banyak perjanjian dan memorandum persefahaman ditandatangani.

Dr Mahathir telah meramalkan masa depan yang cerah bagi industri aeroangkasa selepas LIMA membuka laluan bagi pembabitan serius negara dalam pembinaan kapal terbang dan komponennya.

Radzi berkata sebanyak 21,000 pelawat perdagangan menyertai LIMA tahun ini.-- BERNAMA

JM ES rn oba